

Jaga hubungan baik antara masyarakat - Raja Muda Perlis

Oleh Ercy Gracella Ajos - Julai 3, 2022 @ 1:44pm
bhnews@bh.com.my



Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail (tengah) menyaksikan penyerahan zakat FGV pada 'Program Kayuhan Tautan Kasih: FGV Prihatin, MAIPs Peduli 2022', di Felda Gunung Besout 2, Sungkai, Perak semalam

KUALA LUMPUR: Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail mengingatkan semua pihak supaya menjaga hubungan baik antara masyarakat dalam mendepani pelbagai cabaran di masa hadapan.

Baginda bertitah menerusi hubungan kemasyarakatan yang erat, sebuah generasi yang seimbang dari segi moral dan intelektual akan dapat dibentuk.

"Selain itu, ia dapat menyemai budaya bertolak ansur, memahami antara satu sama lain dan memupuk semangat perpaduan yang jitu dalam kalangan rakyat tanpa mengira warna kulit, kaum dan keturunan," katanya.

Baginda bertitah demikian sempena 'Program Kayuhan Tautan Kasih: FGV Prihatin, MAIPs Peduli 2022' anjuran FGV Holdings Berhad (FGV) yang diadakan di Felda Gunung Besout 2, Sungkai, Perak, semalam.

"Melalui pendekatan bersemuka sambil bermesra seperti ini, ia turut memberi peluang kepada semua pihak terutama FGV dan FELDA bagi mengeratkan lagi hubungan bermasyarakat dan bersosial dengan komuniti di sekitar kawasan operasi syarikat mereka," titahnya.

Baginda yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), menggalakkan lebih banyak syarikat korporat meneruskan aktiviti kemasyarakatan supaya semua pihak khususnya golongan yang memerlukan dapat turut sama merasai sedikit limpahan 'nikmat' dikecapi syarikat berkenaan.

Keberangkatan baginda ke program kayuhan amal diiringi Pengerusi FGV, Datuk Dzulkifli Abd Wahab dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV, Mohd Nazrul Izam Mansor.

Program dimulakan dengan penyempurnaan penanaman sepohon pokok Durian Udang Merah oleh Tuanku Raja Muda Perlis sebagai simbolik tanda kenangan keberangkatan baginda ke felda berkenaan.

Turut serta Mufti Perlis, Prof Madya Datuk Dr Mohd Asri Zainul Abidin dan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPs, Mohd Nazim Mohd Noor.

Selain berbasikal sejauh 15 kilometer (km) dan menyaksikan penyerahan sumbangan daripada pihak FGV di tiga rumah asnaf terpilih, Tuanku Syed Faizuddin Putra turut berkenan menyaksikan penyampaian sumbangan zakat FGV kepada seramai 27 asnaf terpilih, lima sekolah agama rakyat dan Masjid Felda Gunung Besout 2.